

MAHATHIR R'R'R'

1984

KELANG 9 1 APRIL (BERNAMA)-MALAYSIA SEDANG MEREKACIPTA BEBERAPA JENIS BARANG DAN PERALATAN SESUAI UNTUK KEGUNAAN HASYARAKAT ISLAM DAN AKAN DIPASARKAN KE NEGARA-NEGARA ISLAM, O A T U K SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI.

BEBERAPA AGENSI TERMASUK SIME DARBY TERLIBAT DALAM WSAHA INI YANG BERTUJUAN MENYEDIAKAN BERANGAN DAN PERALATAN SESUAI DENGAN TRADISI DAN CARA HIDUP UMAT ISLAM, KATA PERDANA MENTERI.

BARANG-BARANG YANG SEDANG DICIPTA ITU TERMASUKLAH PERALATAN UNTUK BILIK MANDI. KATA BELIAU KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN KILANG KERUNMAS (M) S D N . BERHAD, SEBUAH KILANG TENUNAN D A N TEKAT MENEKAT MODEN DI JALAN KOTA RAJA DI SINI.

SEBELUM ITU KETIKA BERUCAP MERASMIKAN KILANG MILIK BUMIPUTERA ITU⁹ PERDANA MENTERI BERKATA SEBAHAGIAN BESAR BARANG-BARANG YANG DIGUNAKAN OLEH MASYARAKAT ISLAM SERAMAI KIRA-KIRA 900 JUTA DISELURUH DUNIA DIPERBUAT DAN DICIPTA OLEH NEGARA-NEGARA YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM.

NEGARA-NEGARA TERSEBUT MENGUASAI PASARAN DUNIA ISLAM WALAU PUN BARANG-BARANG YANG MEREKA KELUARKAN BANYAK DI ANTARANYA TIDAK SECOCOK DENGAN KEADAAN DAN CARA HIDUP UMAT ISLAM. --LAGI

1644/HM

ZCZC 0623

MAHATHIR 2 KELANG R'R'R'

DI MALAYSIA KATANYA DE MANA LEBIH 50 PERATUS PENDUDUKNYA BERAGAMA ISLAM. SEBAHAGIAN BESAR PERALATAN MODEN YANG DIGUNAKAN ADALAH CIPTAAN ASING.

KERAJAAN BERSAMA BEBERAPA AGENSI DAN PERBADANAN SEDANG MENGAMBIL LANGKAH MEREKACIPTA BEBERAPA PERALATAN YANG SESUAI UNTUK KEGUNAAN ORANG ISLAM. KATANYA.

MEMANDANGKAN CARA HIDUP HASYARAKAT ISLAM UMUMNYA SAMA. BARANG-BARANG TERSEBUT AKAN DAPAT DIPASARKAN KE NEGARA-NEGARA ISLAM. BUTIR-BUTIR LANJUT SERTA JENIS-JENIS PERALATAN TERSEBUT AKAN DIUMUMKAN KEMUDIAN NANTI, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR NENEKANKAN BETAPA PERLU TEKNOLOGI MODERN DIGUNA DAN DIUBAHSUAI UNTUK MENGELUARKAN BARANG-BARANG YANG SESUAI DENGAN KEPERLUAN MASYARAKAT:

NEGARA-NEGARA BARAT, AMERIKA, JEPUN DAN KOREA SELATAN MENGELUARKAN BARANG-BARANG MENGIKUT SELARAS Masing-masing dan di antaranya memang tidak begitu sesuai dengan keadaan alam negara ini.

--LA61 16348/HM

MAHATHIR 3 KELANG R'R'R'

SEBAGAI CONTOH BELIAU MENYEBUT MOTOKAR DAN KENDERAAN YANG DIGUNAKAN DI NEGARA INI DIREKA WNTUK KEGUNAAN NEGARA-NEGARA BERIKLIM SEJUK.

MOTOKAR BUATAN MALAYSIA AKAN MENGAMBIL KIRA SEGALA KEPERLUAN IKLIM PANAS SUPAYA SESUAI DAN SELESA DIGUNAKAN BUKAN SAHAJA DI NEGARA INI TETAPI JUGA DI NEGARA-NEGARA YANG MEMPUNYAI IKLIM SAMA.

KATANYA, MATLAMAT KERAJAAN IALAH UNTUK MEMASARKAN KERETA BUATAN ITU KE NEGARA-NEGARA BERIKLIM TROPIKA. BELIAU PERCAYA KERETA BUATAN MALAYSIA YANG MEMPUNYAI CIRI-CIRI TEMPATAN ITU AKAN MENDAPAT PASARAN YANG LUAS.

PERDANA MENTERI MEMUJI SYARIKAT KARUNMAS KERANA MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MODEN UNTUK MENGHASILKAN SATU PERUSAHAAN TRADISIONAL.

PERUSAHAAN TERSEBUT YANG BELIAU SIFATKAN SEBAGAI PERKAHWINAN DI ANTARA AHLI SENX DENGAN PEMODAL+ UNTUK MENGHASILKAN KAIN TENUN OAN TEKAT MENEKAT OENGAN BANYAK OAN CEPAT. -- LAGI 1713/ZCM

MAHATHIR 4 KELANG

MESIN YANG DIIMPORTOLEH SYARLKAT ITU TELAH DIUBAHSUAI UNTUK MENGELOARKAN KALN'TENWNAN OAN TEKAT-MENEKAT YANG SELAMA INI DILAKUKAN DENGAN KEMAHIRAN TANGAN SEMATA-MATA.

DATUK SERI OR. MAHATHIR BERKATA ZAMAN SUDAH BERLALU BAGI ORANG MELAYU MERAHSXAKAN ATAU MEMONOPOLI SESUATU KEMAHIRAN TRADISI TERTENTU DALAM LINGKUNGAN KELUARGA MEREKA SENDIRI SAHAJA.

SEBALIKNYA MEREKA HENDAKLAH MENGGUNAKAN KEMAHIRAN ITU UNTUK DISESUAIKAN DENGAN TEKNOLOGI MODERN SUPAYA MAMPU MEMENUHI PERMINTAAN PASARAN, KATANYA.

DENGAN DEMIKIAN MEREKA AKAN MENCAPAI KEUNTUNGAN YANG LEBIH BESAR, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN KINI MENGGALAKKAN PERUSAHAAN KRAFTANGAN TRADISONAL DI KAMPUNG-KAMPUNG DAN SEBUAH KEMENTERIAN KHAS IAITU KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR DITUGASKAN UNTUK MEMAJUKAN INDUSTRI KAMPUNG ITU.

INDUSTRI TERSEBUT JUKA SESUAI BOLEH DIKEMBANGKAN MENJADI INDUSTRI KECIL, SEDERHANA ATAU PUN INDUSTRI BESAR, TAMBAH BELIAU.
-- LAGI 1720/WS

MAHATHIR 5 KELANG

DATUK SERI OR. MAHATHIR SELANJUTNYA MENASIHATKAN PARA PEKERJA BEKERJA DENGAN TEKUN UNTUK MEMASTIKAN KEMAJUAN SYARIKAT Masing-Masing DEMI FAEOAH MASA OEPAN MEREKA SENDIRI.

BELIAU JUGA MENASIHATKAN PENGARAH-PENGARAH SYARIKAT BUMIPUTERA SUPAYA MENGURANGKAN PERBALAHAN SAMADA SENDIRI DEMI KEUTUHAN DAN KEJAYAAN SYARIKAT Masing-Masing.

PERPECAHAN DI KALANGAN PENGARAH-PENGARAH TERSEBUT SERINGKALI MENGAKIBATKAN PERPECAHAN SYARIKAT YANG MENJEJASKAN INDUSTRI SYARIKAT-SYARIKAT ITU SENDIRI.

SEBAGAI CONTOH BELIAU MENYEBUT INDUSTRI PERFILEMAN KINI -- -- MEMPUNYAI KIRA-KIRA 80 SYARIKAT SEDANGKAN FILEM YANG DIKELUARKAN IALAH DI ANTARA DUA HINGGA TIGA SAHAJA SETAHUN.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR DATUK HAJI AHMAD RAZALI MOHAMAD ALI DAN MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR DATUK SANUSI JUNID. -- BERNAMA 1735/WS